



**PERATURAN PERTANDINGAN  
SUKAN PANTAI PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA  
SEPAKTAKRAW PANTAI**

**1. PERATURAN PERTANDINGAN**

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang Kejohanan ini.

**2. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

2.1 Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan adalah tertakluk kepada:

2.1.1 Undang-Undang Permainan Gabungan Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan badan yang menerajui sukan sepaktakraw Malaysia yang berkuatkuasa ketika ini.

2.1.2 Peraturan Am dan Undang-Undang permainan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk, Pengelola serta Teknikal & Pertandingan

**3. PENDAFTARAN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

3.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama pegawai dan pemain masing-masing dengan mengisi Borang Pendaftaran Pasukan.

3.2 Bilangan Pegawai dan Pemain bagi setiap adalah seperti berikut:

3.2.1 6 orang pemain

3.2.2 1 orang pegawai

3.3 Setiap pasukan dibenarkan menyertai lebih dari **SATU REGU**.

**4. PASUKAN & MASA BERMAIN**

4.1 Sistem Perkiraan Mata adalah mengikut sistem perkiraan yang telah Diluluskan oleh ISTAF dan PSM diguna pakai masa kini iaitu 15 Mata. **(15-0,15-0) "Best of Three (3) set**

4.2 Semua perlawanan dimulakan mengikut masa dan jadual Pertandingan yang telah ditetapkan.

## 5. PAKAIAN

- 5.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.
- 5.2 Semua pakaian pemain hendaklah bernombor dibahagian depan dan belakang. Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi (dari 1 hingga 36) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.
- 5.3 Nombor hendaklah berukuran 19 cm tinggi di bahagian belakang dan berukuran tidak kurang 10 cm di bahagian depan (bahagian tengah dada).
- 5.4 Ketua regu mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai tanda dilengan (Arm Band).
- 5.5 **Pemain tidak dibenarkan memakai kasut sepanjang kejohanan berlangsung.**

## 6. PERALATAN

Rujuk Jawatankuasa Teknikal.

## 7. SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan AM Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

## 8. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

8.1 Pembahagian mata bagi pusingan pertama.

8.1.1	Menang	<b>2 mata</b>
8.1.2	Kalah	<b>0 mata</b>

8.2 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

- 7.2.1 Kiraan Perbezaan Regu yang di perolehi.
- 7.2.2 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.
- 7.2.3 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.
- 7.2.3 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang dan jika kaedah ini juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan

## 9. KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

8.1 Semua REGU mestilah berada 30 minit sebelum perlawanan dijadualkan bermula. Jika mana-mana REGU tidak melaporkan diri 10 minit selepas waktu yang dijadualkan atau melaporkan diri dengan pemain-pemainnya yang kurang dari 4 orang. Maka REGU berkenaan tidak layak meneruskan perlawanan dan dianggap menarik diri.

8.2 Pihak lawan yang berada di gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan pemberian **2 MATA** dan kiraan mata **15-0, 15-0**.

8.3 Jika didapati sesuatu regu dengan sengaja menarik diri/memberikan kemenangan percuma, maka REGU berkenaan akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia.

**10. BANTAHAN / RAYUAN**

Mengikut Peraturan AM Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

**11. PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Sila rujuk Peraturan AM Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.